

Siaran Media

PRESS RELEASE

PERANTI PERUBATAN SELAMAT, ADVOKASI BERTERUSAN MDA BAGI KESEDARAN AWAM

CYBERJAYA, 7 Oktober 2025 –

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (*Medical Device Authority*: MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), telah menganjurkan Program Kesedaran Awam 2025 bertempat di Universiti Cyberjaya dan program ini dirasmikan oleh YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia.

Program ini merupakan inisiatif MDA dalam **meningkatkan kefahaman dan kesedaran orang awam** mengenai **peranan serta fungsi MDA** sebagai **badan kawal selia peranti perubatan** di Malaysia. Ia juga bertujuan memberi **pendedahan** berhubung **penggunaan peranti perubatan** yang **selamat** serta **usaha membanteras penjualan produk tidak berdaftar di pasaran**.

Antara pengisian utama program termasuk:

- Sesi penerangan** dan ceramah kesedaran berkaitan peranti perubatan;
- Pameran interaktif** oleh agensi kerajaan dan swasta seperti Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari KKM serta beberapa entiti dalam bidang kesihatan; dan
- Saringan kesihatan percuma** untuk para pengunjung.

Program ini berjaya menarik **penyertaan lebih 200 orang peserta** daripada **pelbagai sektor** termasuk agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), institusi pengajian tinggi, sekolah menengah serta wakil industri peranti perubatan.

MDA percaya bahawa usaha ini dapat memberi impak positif dalam **mendidik masyarakat** mengenai **kepentingan memilih peranti perubatan yang selamat dan berdaftar**, di samping menggalakkan kerjasama strategik bersama pelbagai pihak berkepentingan. Ini sejajar dengan nilai MADANI - *Kesejahteraan, Daya Cipta dan Ihsan*.

Dikeluarkan oleh:

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
(Medical Device Authority)